



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MALAYSIA LAYAK KE PUSINGAN ORAL *MANFRED LACHS SPACE LAW MOOT COURT COMPETITION 2026*

PUTRAJAYA, 1 APRIL 2026 – Pasukan Malaysia telah berjaya mencipta pencapaian yang membanggakan apabila telah melayakkan diri ke Pusingan Oral *Manfred Lachs Space Law Moot Court Competition* (MLSLMCC) peringkat Asia Pasifik yang akan berlangsung di Gujarat National Law University (GNLU), India bermula pada 2 hingga 5 April 2026. Keputusan ini adalah hasil daripada kejayaan pasukan Malaysia yang memperoleh keputusan cemerlang dalam pusingan memorial (hujahan bertulis) yang telah dihakimi pada 15 Februari 2026 dengan hanya 20 pasukan dengan markah memorial tertinggi akan ke pusingan oral di GNLU, India.

Penyertaan wakil Malaysia daripada Fakulti Undang – Undang Universiti Malaya yang terdiri daripada Yong Tze Shen, Ng Chen Chen, Bryan Ooi Yu Hang dan Nishooldran Ravindran (jurulatih) sebagai wakil Malaysia dalam MLSLMCC, merupakan kesinambungan kepada penganjuran Pertandingan Mut Perundangan Angkasa (PMPA2025) anjuran

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Bahagian Penguasa Angkasa dengan kerjasama strategik Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Penyertaan ini merupakan satu inisiatif signifikan buat negara dalam melahirkan bakat muda yang pakar dalam bidang undang-undang angkasa lepas, sebuah bidang yang semakin kritikal selari dengan kepesatan ekonomi angkasa global. Inisiatif ini juga dijangka mampu melatih bakal peguam perundangan angkasa supaya dapat beradaptasi dan berkebolehan dalam mengguna pakai undang-undang angkasa terkini terutamanya dalam menyokong pelaksanaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] serta peruntukan di bawah Triti Angkasa Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu. Langkah ini dilihat selari dengan **Dasar Angkasa Negara 2030** yang menekankan pembangunan kapasiti dan kedaulatan negara dalam memastikan kemampanan dan kelestarian pembangunan sektor angkasa negara yang tidak hanya bergantung dengan kepakaran luar semata.

"Penyertaan ini bukan sekadar sebuah pertandingan, malah ia adalah pelaburan strategik negara untuk memastikan Malaysia mempunyai suara dan kepakaran dalam pembentukan norma serta undang-undang di ruang angkasa pada masa hadapan di peringkat domestik mahupun antarabangsa," menurut kenyataan daripada YB Menteri MOSTI, Datuk Chang Lih Kang.

Wakil pasukan UM menyatakan "kami tidak menjangka dan sangat berbangga dengan kejayaan pusingan memorial ini, seterusnya akan berusaha melakukan yang terbaik dalam pusingan hujahan oral di India

bagi membanggakan nama Malaysia di kalangan komuniti pengamal dan pentas perundangan angkasa antarabangsa”.

MLSLMCC yang telah diadakan sejak 1992 ini merupakan pertandingan mahkamah mut yang paling berprestij dalam bidang perundangan angkasa, mengumpulkan bakal peguam terbaik dari seluruh dunia untuk menghujahkan kes-kes kompleks berkaitan aktiviti angkasa. Antara topik yang sering dibahaskan termasuklah tanggungjawab negara terhadap objek angkasa, pengurusan sisa angkasa (*space debris*) mahupun pengeksploitan sumber asli di bulan dan planet lain. Pemenang kepada pusingan ini akan melayakkan diri dan berentap bersama juara peringkat benua lain di pusingan akhir dunia yang akan diadakan di Antalya, Turkiye pada bulan Oktober 2026, dengan dihakimi oleh barisan hakim daripada *International Court of Justice*.

Kejayaan awal ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat baharu dalam bidang perundangan angkasa serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dalam ekosistem angkasa global.

Pautan gambar: <https://drive.google.com/drive/folders/1025dM9yK-ZqS0JmMVPW2PpXAAA9H8iFS?usp=sharing>

– TAMAT –

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
1 APRIL 2026**

Mengenai Bahagian Penguasa Angkasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Selari dengan pewartaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] pada 25 Januari 2022, satu bahagian khusus di MOSTI iaitu Bahagian Penguasa Angkasa telah ditubuhkan secara rasminya pada 14 Jun 2022. Bahagian Penguasa Angkasa berperanan untuk mengawal selia dan melaksanakan hal-hal tadbir urus berkaitan perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta 834.

Selain itu, Bahagian Penguasa Angkasa bertindak sebagai Setiausaha Eksekutif kepada Lembaga Angkasa Malaysia atau Malaysian Space Board (MSB) yang menasihati kerajaan berkaitan hal-ehwal pelaksanaan Akta, menggubal instrumen perundangan yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan Akta 834 yang berkesan serta mengawal selia semua aktiviti angkasa Negara yang termaktub dalam Akta bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terpelihara.

Antara aktiviti angkasa utama yang dikuatkuasakan dalam Akta 834 termasuklah keperluan lesen (membina atau mengilang objek angkasa, pemilik atau operator fasiliti pengujian dan integrasi, dan pemilik atau operator fasiliti pelancar), permit pelancaran (bagi penyedia khidmat pelancaran dalam negara), perakuan pelancaran (bagi pemilik objek angkasa yang melancarkan objek miliknya di dalam/ luar negara) serta pendaftaran objek angkasa (bagi objek angkasa yang telah berjaya dilancarkan ke orbit).

Maklumat lanjut mengenai Bahagian Penguasa Angkasa, sila layari laman web: <https://www.mosti.gov.my/bahagian-penguasa-angkasa>

Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR di bawah.



Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerksaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Nur Aneita Abdullah Pandian

+6019-2294732

aneita@yim.my

Mengenai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ialah sebuah universiti awam yang menerapkan pendekatan holistik ke arah penyampaian ilmu, dengan mengintegrasikan ilmu wahyu (Naqli) dan ilmu yang dituntut (Aqli). Ditubuhkan pada tahun 2000, USIM yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan menawarkan lebih 90 program akademik di peringkat pra-siswazah, sarjana muda dan pascasiswazah dalam bidang sains, teknologi, perubatan, ekonomi, sains sosial dan pengajian Islam.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unik, USIM berperanan untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang, dan beretika tinggi, selaras dengan aspirasi negara dan keperluan ummah. USIM juga aktif dalam penyelidikan berimpak tinggi yang merangkumi bidang multidisiplin, khususnya yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan penyelesaian isu-isu semasa dari perspektif Islam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.usim.edu.my



PRESS RELEASE
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
(MOSTI)

MALAYSIA QUALIFIES FOR THE ORAL ROUNDS OF THE
MANFRED LACHS SPACE LAW MOOT COURT COMPETITION
2026

PUTRAJAYA, 1 APRIL 2026 – PUTRAJAYA, 1 APRIL 2026 – The Malaysian team has achieved an outstanding milestone by qualifying for the Oral Rounds of the Manfred Lachs Space Law Moot Court Competition (MLSLMCC) for the Asia-Pacific region. The competition will be held at Gujarat National Law University (GNLU), India, from 2 to 5 April 2026.

This success follows the team's excellent performance in the memorial rounds (written submissions) judged on 15 February 2026, where only the top 20 teams with the highest scores advanced to the oral rounds. Representing Malaysia are students from the Faculty of Law, University of Malaya: Yong Tze Shen, Ng Chen Chen, Bryan Ooi Yu Hang, and coach Nishooldran Ravindran.

Their participation continues the legacy of the Space Law Moot Competition [*Pertandingan Mut Perundangan Angkasa*, (PMPA2025)], organized by MOSTI through the Space Authority Division, in strategic collaboration with Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) and Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

This initiative is a significant step in nurturing young talent in the field of space law—an increasingly critical area aligned with the rapid growth of the global space economy.

It also aims to train future space law attorneys capable of adapting to and applying the latest developments in space law, particularly in support of the Malaysian Space Agency Act 2022 (Act 834) and provisions under the United Nations Space Treaty.

The effort aligns with the National Space Policy 2030, which emphasizes capacity building and national sovereignty to ensure the sustainability and growth of Malaysia's space sector while reducing reliance on external expertise.

“This participation is not merely a competition, but a strategic investment to ensure Malaysia has a voice and expertise in shaping the norms and laws of outer space in the future, both domestically and internationally,” said Minister of MOSTI, Datuk Chang Lih Kang.

The UM team representatives added: “We did not expect this and are extremely proud of our success in the memorial round. We will now strive to give our best in the oral argument rounds in India, with the goal of bringing pride to Malaysia in the global space law community and on the international legal stage.”

The MLSLMCC, held annually since 1992, is the world's most prestigious moot court competition in space law, bringing together future lawyers to argue complex cases related to space activities. Topics often include national responsibility for space objects, space debris management, and the exploitation of natural resources on the Moon and other celestial bodies. The winner of the Asia-Pacific round will qualify for the global finals in Antalya, Turkey, in October 2026, judged by a panel from the International Court of Justice.

This achievement is expected to serve as a catalyst for developing new talent in space law and positioning Malaysia as a responsible player in the global space ecosystem.

Photo link: <https://drive.google.com/drive/folders/1025dM9yK-ZqS0JmMVPW2PpXAAA9H8iFS?usp=sharing>

– END –

Issued by:

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
1 APRIL 2026

About the Space Authority Division, Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)

In line with the gazetting of the Malaysian Space Agency Act 2022 [Act 834] on 25 January 2022, a dedicated division within MOSTI, the Space Authority Division, was officially established on 14 June 2022. The role of the Space Authority Division is to regulate and oversee governance matters related to the provisions of Act 834.

Additionally, the Space Authority Division serves as the Executive Secretary to the Malaysian Space Board (MSB), advising the government on the implementation of the Act, drafting relevant legal instruments to ensure effective enforcement of Act 834, and regulating all space-related activities within the country, as outlined in the Act, to preserve the country's safety and sovereignty.

Among the major space activities enforced under Act 834 are licensing requirements (for building or manufacturing space objects, owners or operators of testing and integration facilities, and owners or operators of launch facilities), launch permits (for launch service providers within the country), launch certifications (for space object owners launching their objects domestically or internationally), and the registration of space objects (for objects successfully launched into orbit).

For more information about the Space Authority Division, please visit the website: <https://www.mosti.gov.my/bahagian-penguasa-angkasa>

The Malaysian Space Agency Act 2022 [Act 834] can be downloaded by scanning the QR code below.



About Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) was established in 2008 under the Ministry of Science, Technology, and Innovation (MOSTI) as the leading agency for Social and Grassroots Innovation in Malaysia. YIM is registered as a Company Limited by Guarantee (CLBG) under the Companies Act 1965 and is recognized as a non-profit organization.

The primary function of YIM is to serve as a platform to search for, identify, develop, and match innovation development funds with a network of over 7,400 innovators across the country. Its goal is to promote and foster grassroots innovation with the potential for commercialization, both locally and internationally. This is achieved through empowering creativity and innovation, cultivating innovative mindsets that turn ideas into reality, and establishing sustainable support systems that generate economic benefits and improve community well-being.

For more information, visit the Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) website at www.yim.my

Contact:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Nur Aneita Abdullah Pandian

+6019-2294732

aneita@yim.my

About the Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) is a public university that adopts a holistic approach to knowledge delivery by integrating revealed knowledge (Naqli) and acquired knowledge (Aqli). Established in 2000, USIM, located in Nilai, Negeri Sembilan, offers over 90 academic programs at the undergraduate, bachelor, and postgraduate levels in fields such as science, technology, medicine, economics, social sciences, and Islamic studies.

As a unique higher education institution, USIM plays a pivotal role in producing graduates who are holistic, balanced, and possess high ethical standards, in alignment with national aspirations and the needs of the ummah. USIM is also actively involved in high-impact research across multidisciplinary fields, particularly those that contribute to community development and address contemporary issues from an Islamic perspective.

For more information, please visit: www.usim.edu.my